
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PGT 223 - Kaedah Mengajar Geografi I

Masa - 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan pilihan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

1. Berdasarkan petikan Huraian Sukatan Pelajaran Geografi seperti di Lampiran I (m.s. 4)
 - a) Apakah yang dimaksudkan dengan Aras 1, Aras 2 dan Aras 3?

(6 markah)
 - b) Sediakan objektif umum dan objektif khusus bagi pengajaran selama 40 minit untuk tajuk perubahan penduduk.

(9 markah)
 - c) Berdasarkan objektif yang disediakan, terangkan langkah-langkah pengajaran.

(10 markah)
2.
 - a) Jelaskan **EMPAT (4)** pertimbangan yang perlu diberi perhatian oleh guru ketika menyoal pelajar.

(12 markah)
 - b) Dengan merujuk kepada satu topik pengajaran Geografi, jelaskan 'dua dimensi penyoalan' yang dikemukakan oleh Roberts (1986).

(13 markah)
3.
 - a) Pilih **SATU (1)** daripada tajuk-tajuk Kemahiran Geografi dalam Huraian Sukatan Pelajaran. Tunjukkan bagaimana tajuk tersebut boleh diaplikasikan dalam kajian Geografi Fizikal dan Manusia.

(9 markah)
 - b) Huraikan **EMPAT (4)** konsep yang perlu dipupuk dalam kalangan pelajar secara berperingkat-peringkat bagi membina dan membaca peta seperti yang dikemukakan oleh Othman Saaid (1993).

(16 markah)

4. a) Apakah yang dimaksudkan dengan pembelajaran koperatif?
(5 markah)
- b) Bincangkan kelebihan dan kelemahan penggunaan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran Geografi.
(20 markah)
5. a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'penilaian kendalian sekolah'?
(5 markah)
- b) Bincangkan kelebihan 'penilaian kendalian sekolah' dalam mata pelajaran Geografi.
(20 markah)
6. a) Kaitkan **EMPAT (4)** unsur patriotisme dengan objektif 'pemupukan semangat patriotik' yang hendak diterapkan melalui pengajaran Geografi.
(13 markah)
- b) Pilih **SATU (1)** topik pengajaran Geografi, dan terangkan bagaimana anda hendak melaksanakan unsur patriotisme dalam pengajaran.
(12 markah)

- ooo 0 ooo -

LAMPIRAN I

TAJUK	KONSEP	HASIL PEMBELAJARAN
4.2 Perubahan penduduk	Kadar kelahiran Kadar kematian Migrasi	<p>Memahami perubahan penduduk negara Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mendefinisikan perubahan penduduk • Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi <ul style="list-style-type: none"> • kadar kelahiran • kadar kematian • migrasi <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi <ul style="list-style-type: none"> • kadar kelahiran • kadar kematian • migrasi
		<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menurus tentang perubahan penduduk negara Malaysia pada masa depan berdasarkan: <ul style="list-style-type: none"> • kadar kelahiran • kadar kematian • migrasi

(dipetik daripada Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan 2)